

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN – BN ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 36)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan mempunyai perancangan membina Institut Kemahiran Belia Negara di Kota Samarahan; dan
- (b) respon masyarakat dan kejayaan program Fit Malaysia.

**SULIT**

**JAWAPAN (A)**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk menambah bilangan IKBN sedia ada terutama di negeri Sabah dan Sarawak bagi menambah graduan dan bekalan pekerja berkemahiran dalam negara. Permohonan untuk pembinaan IKBN baru di Sarawak telah disenaraikan dalam permohonan RMKe11, namun lokasi yang bersesuaian masih belum dimuktamadkan termasuk cadangan lokasi di Kota Samarahan.

**JAWAPAN (B)**

Program FitMalaysia telah menunjukkan kesan yang baik kepada masyarakat secara umum dan perkara ini telah dibuktikan melalui sambutan ramai. Bagi tahun 2015, sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) FitMalaysia adalah 300,000 orang peserta menyertai program FitMalaysia yang dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri. Sehingga September 2015, pencapaian KPI adalah 347,052 orang iaitu 115.7%. Ini menunjukkan bahawa masyarakat secara umumnya memberi respons yang positif kepada program FitMalaysia.

Sekian, terima kasih.